



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

#### **MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS MENANGANI KEMEROSOTAN KUALITI AIR SUNGAI KEBANGSAAN BIL. 1/2026 PERKUKUH TINDAKAN PENGURUSAN KUALITI AIR NEGARA**

**PUTRAJAYA, 14 MEI 2026** - Kerajaan terus komited memperkukuh daya tahan negara dalam mendepani cabaran global termasuk impak krisis bekalan global yang memberi tekanan kepada sektor makanan, tenaga, sumber air dan kos sara hidup rakyat. Seiring aspirasi Malaysia MADANI dan pendekatan proaktif kerajaan dalam memperkukuh keselamatan sumber negara secara mampan, pengurusan dan pemeliharaan kualiti air sungai turut diberi perhatian sebagai agenda strategik negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat serta kelangsungan pembangunan ekonomi.

Selaras usaha tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) Bilangan 1 Tahun 2026 telah diadakan hari ini bagi memperkukuh penyelarasan tindakan pengurusan dan pengawalan kualiti air sungai negara secara lebih proaktif, bersepadu dan berkesan. Langkah ini mencerminkan iltizam Kerajaan dalam memastikan sumber air negara sentiasa berdaya tahan dan mampu menyokong keterjaminan keperluan rakyat dalam menghadapi ketidaktentuan global.

Bertujuan memperkukuh penyelarasan tindakan pengurusan dan pengawalan kualiti air sungai negara secara lebih proaktif, bersepadu dan berkesan, mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Mesyuarat memberi fokus kepada usaha memperkukuh kawalan pencemaran sungai, pengurusan sumber air serta pengukuhan garis panduan dan piawaian teknikal berkaitan perlindungan sumber air negara.

Mesyuarat turut meneliti cadangan memasukkan syarat Kajian Hidraulik Endapan Sungai ke dalam Garis Panduan Pengambilan Pasir Sungai (Pindaan 2020) bagi memastikan aktiviti pengambilan pasir tidak menjejaskan kestabilan sungai, meningkatkan risiko hakisan tebing serta memberi impak kepada kualiti air sungai.

Selain itu, mesyuarat bersetuju terhadap cadangan penyediaan Garis Panduan Guna Semula Air Sisa Pelepasan Penanaman Padi serta penetapan piawaian pelepasan air sisa bagi aktiviti pertanian sebagai langkah memperkukuh kawalan pencemaran daripada sektor pertanian secara lebih sistematik dan mampan. Mesyuarat juga dimaklumkan berkaitan Garis Panduan Pengurusan Indeks Pencemaran Industri Penternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta dapatan Kajian Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran yang mengenal pasti punca utama kemerosotan kualiti air sungai di lembangan sungai utama negara.

Mesyuarat turut menekankan kepentingan tindakan susulan yang lebih berfokus, pengukuhan penguatkuasaan, kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pendekatan pengurusan lembangan sungai secara menyeluruh bagi memastikan kelestarian sumber air negara terus terpelihara.

Mesyuarat JKKAS ini telah dihadiri oleh Exco-Exco Kerajaan Negeri berkaitan pengurusan air, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, agensi teknikal, badan kawal selia air negeri serta wakil kementerian dan agensi berkaitan.

PETRA akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan dalam memastikan pengurusan sumber air negara

dilaksanakan secara mampan demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**14 Mei 2026**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

